

09/06/1999

Projek Bakun: Kerajaan boleh jimat hingga RM6 bilion

Kadir Dikoh

KERAJAAN dijangka menjimatkan antara RM5 hingga RM6 bilion berikutan kemungkinan tidak meneruskan projek kabel dasar laut bagi membekalkan tenaga elektrik daripada projek hidro elektrik Bakun di Sarawak ke Semenanjung.

Penganalisis berkata, adalah lebih berdaya maju dan kos kecekapan dalam keadaan ekonomi semasa untuk tidak meneruskan rancangan asal itu tetapi bersetuju dengan langkah kerajaan meneruskan projek Bakun.

"Dalam keadaan ekonomi semasa meskipun pemulihan mula kelihatan, adalah lebih baik menjana tenaga elektrik dengan keupayaan sederhana antara 500 hingga 700 megawatt (MW) terlebih dahulu, meskipun Bakun boleh menjana 2,400 MW seperti cadangan asal.

"Dalam hal ini, biarlah tenaga elektrik dari Bakun itu ditumpukan di Sarawak dan Sabah terlebih dahulu.

"Apabila ekonomi negara pulih sepenuhnya, maka pembinaan kabel dasar laut boleh diteruskan dan tenaga Bakun akan lebih diperlukan di Semenanjung selepas tahun 2005," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang membayangkan untuk tidak meneruskan rancangan asal membina kabel dasar laut dari Sarawak ke Semenanjung bagi membekal bekalan elektrik dari Bakun.

Ini berikutan kosnya membabitkan separuh daripada kos pembangunan keseluruhan Bakun.

Menurut Perdana Menteri, kapasiti projek hidro Bakun turut diubah suai untuk dikurangkan daripada rancangan asal bagi menjana kuasa dengan keupayaan 2,400 megawatt (MW), kepada 500 MW saja buat permulaan, tetapi tidak menolak kemungkinan kapasiti itu ditambah.

Projek Bakun pada asalnya dianggar membabitkan kos RM13.6 bilion. Ia adalah antara beberapa projek infrastruktur utama yang ditangguhkan pada Oktober 1997 berikutan krisis kewangan serantau.

Pada September lalu, kerajaan membuat tawaran rasmi RM811 juta untuk mengambil alih projek itu daripada Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Bhd, berasaskan kepada akaun perbelanjaan dan aset BHC pada 30 November 1997.

Berikutan itu pada Disember lalu, kerajaan mengarahkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk meneruskan projek itu dan masih menunggu laporan cadangan daripada badan utiliti kebangsaan itu tetapi tiada diberikan sebarang tarikh akhir untuk mengemukakan laporan.

Semalam, Perdana Menteri juga menyatakan TNB akan menerajui projek Bakun bersama beberapa pihak lain setelah ia mengambil alih secara rasmi daripada BHC nanti.

(END)